

3767/1
EKONOMI
KERTAS 1
NOVEMBER 2021
1 ½ JAM

NO KAD PENGETAHUAN

Nama Pelajar

Tingkatan



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)
(CAWANGAN KELANTAN)**

**PERCUBAAN SPM
2021**

**EKONOMI
KERTAS 1
MASA : SATU JAM LIMA BELAS MINIT**


ARAHAN:

1. Kertas ini mengandungi 40 soalan.
2. Jawab semua soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu A,B,C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang di sediakan.
4. Sekiranya anda hendak menukar sesuatu jawapan, padamkan jawapan yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.
5. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.

Kertas soalan ini mengandungi 15 halaman bercetak

- 1 Masalah kekurangan berlaku kerana
 A kehendak manusia yang bertambah
 B keinginan manusia yang tidak terbatas
 C sumber ekonomi yang sukar untuk diperolehi
 D faktor pengeluaran terhad dengan kehendak pelbagai

- 2 Gambar 1 menunjukkan sejensi faktor pengeluaran



Gambar 1

Pernyataan manakah yang menggambarkan faktor pengeluaran tersebut?

- A Tidak mempunyai kos lepas
 B Mempunyai penawaran yang tidak terhad
 C Mengabungkan faktor pengeluaran yang lain
 D Membantu meningkatkan tingkat kecekapan pengeluaran


- 3 Maklumat di bawah berkaitan masalah ekonomi.

Mia menggunakan wang saku yang diberikan oleh ayahnya RM20 untuk makan ayam goreng di restoran makanan segera dan tidak membeli buku rujukan sains yang diainginkannya.

Apakah kos lepas yang dihadapi oleh Mia?

- A Ayam goreng
 B Buku rujukan sains
 C Restoran makanan segera
 D Wang saku yang diberikan ayah RM20

- 4 Rajah 1 menunjukkan Keluk Kemungkinan Pengeluaran (KKP) bagi Syarikat A.



Rajah 1

Antara berikut, yang manakah benar tentang keluk kemungkinan pengeluaran di atas?

- I Pilihan A akan melepaskan B
 II Kos lepas ialah kombinasi yang tidak dipilih
 III Pengeluaran pada titik G adalah paling cekap
 IV Semua titik pada KKP merupakan tingkat pengeluaran yang dipilih firma
 A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

- 5 Maklumat berikut berkaitan dengan sistem ekonomi sebuah negara.

- Pengguna adalah raja
- Firma bebas memiliki faktor pengeluaran

Pernyataan manakah yang benar tentang sistem ekonomi tersebut?

- A Jenis barang dikeluarkan ditentukan oleh kerajaan
 B Kaedah pengeluaran barang bergantung kepada kerajaan
 C Jumlah barang dikeluarkan bergantung kepada mekanisme harga
 D Agihan barang bergantung kepada keperluan semasa masyarakat

(17)

6

Jadual 1 berkaitan dengan permintaan kek viral.

4

3767/1


Harga (RM)	Kuantiti diminta(unit)	
	April	Mei
RM 20	3000	3800

Jadual 1

- Apakah faktor yang menyebabkan berlakunya situasi di atas?
- Harga kek
 - Muslim perayaan
 - Harga bahan kek
 - Tingkat teknologi

7

Rajah 2 menunjukkan keluk permintaan minyak masak.



Rajah 2

Apakah yang menyebabkan peralihan keluk permintaan tersebut?


- Harga barang itu meningkat
- Kejatuhan pendapatan pengguna
- Kejatuhan harga barang pengganti
- Harga dijangka meningkat pada masa hadapan

SULIT

8

- Keluk penawaran menunjukkan
- apabila harga naik kuantiti ditawar akan jatuh
 - apabila harga naik kuantiti ditawar akan naik
 - hubungan antara harga dengan kuantiti ditawar adalah positif
 - hubungan antara harga dengan kuantiti ditawar adalah negatif
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV

- 9 Rajah 3 menunjukkan keluk penawaran bagi alat pencetak



Rajah 3

Faktor yang manakah yang menyebabkan keluk beralih dari S_0 kepada S_1 ?

- Penurunan harga pencetak
 - Peningkatan citarasa pengguna
 - Penurunan harga faktor pengeluaran
 - Peningkatan teknologi dalam pembuatan mesin pencetak
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV

(18)


- 10 Jadual 2 menunjukkan kuantiti permintaan dan kuantiti penawaran bagi suatu barang pada pelbagai tingkat harga.

Harga (RM)	Permintaan (unit)	Penawaran (unit)
15	44	12
20	34	22
25	22	32
30	14	8

Jadual 2

Apakah yang akan berlaku dalam pasaran pada tingkat harga RM30?

- A Lebihan penawaran
 - B Lebihan permintaan
 - C Keseimbangan pasaran
 - D Harga barang itu akan meningkat
- 11 Pertambahan permintaan dalam keseimbangan pasaran akan menyebabkan
- A harga jatuh
 - B kuantiti jatuh
 - C keluk permintaan beralih ke kiri
 - D keluk permintaan beralih ke kanan
- 12 Rajah 4 menunjukkan permintaan buah rambutan.



Rajah 4

Jika nilai keanjalan bagi buah rambutan ialah 2, hitungkan nilai X.

- A 200 kg
- B 150 kg
- C 120 kg
- D 112.5 kg

- 13 Susu segar dikatakan mempunyai permintaan tidak anjal kerana
- A tidak tahan lama
 - B banyak kegunaan
 - C tahap ketagihan tinggi
 - D banyak barang pengganti

- 14 Kuantiti penawaran keropok ikan pada harga RM2 adalah sebanyak 200 bungkus. Nilai keanjalan harga penawaran keropok ikan ialah 2. Berapakah kuantiti penawaran baharu bagi keropok ikan jika harga meningkat sebanyak 30%?
- A 230 unit
 - B 260 unit
 - C 320 unit
 - D 400 unit
- 15 Encik Hadi telah mengarahkan pihak Bank Islam untuk memindahkan sejumlah bayaran tertentu daripada akaunnya kepada agensi yang mengeluarkan bil Tenaga Nasional Berhad.

Apakah kemudahan pembayaran tersebut?

- A Draf bank
- B Debit langsung
- C Pindahan kredit
- D Perintah sedia ada

(19)

16

Siti dan Hani yang memegang jawatan yang sama sebagai kerani di sebuah syarikat swasta.

8

Apakah faktor yang membezakan upah yang diterima oleh mereka?

- I Minat
 - II Kemahiran
 - III Pengalaman kerja
 - IV Suasana di tempat kerja
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

17

Apakah jenis pendapatan yang diterima oleh individu yang menyimpan wang dalam akaun pelaburan di Bank Islam?

- A Dividen
- B Untung
- C Faedah
- D Komisen

18

Pernyataan manakah yang menerangkan konsep kehendak?

- A Mudah dipenuhi dalam kehidupan
- B Diperlukan untuk keselesaan hidup
- C Harga barang dikawal oleh kerajaan
- D Diutamakan dalam perbelanjaan penggunaan

- 19 Maklumat di bawah berkaitan dengan pembayaran kredit.

Puan Amira telah membeli mesin basuh dengan bayaran ansuran sebanyak RM200 sebulan.

Mengapa Puan Amira memilih kaedah pembayaran tersebut?

- I Harga lebih murah
 - I Menikmati diskaun harga
 - III Meringankan beban kewangan
 - IV Menikmati barang walaupun harga penuh belum dijelaskan
- A. I dan II
B. I dan IV
C. II dan III
D. III dan IV

- 20 Antara yang berikut, yang manakah kepentingan belanjawan peribadi?

- I Memaksimumkan perbelanjaan
 - II Mendahulukan barang kehendak
 - III Menggalakkan individu menabung
 - IV Menyelaraskan perbelanjaan dengan pendapatan
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- 21 Pernyataan manakah yang menerangkan fungsi pengeluaran jangka pendek?

- A Input tetap tidak berubah walaupun output meningkat
- B input tetap dan input berubah tidak digunakan pada output sifar
- C Input tetap berubah secara langsung dengan peningkatan output
- D Input tetap dan input berubah ditambah untuk mengeluarkan output

- 22 Antara yang berikut, yang manakah merupakan kos berubah?

- A Sewa kilang
- B Upah pekerja
- C Premium insurans kilang
- D Kos pembelian mesih baharu kilang

- 23 Jadual 3 menunjukkan kos keluaran bagi sebuah firma dalam pendek.

Keluaran (unit)	1	2	3	4	5
Kos berubah (RM)	30	64	102	144	184

Jadual 3

Jika jumlah kos tetap ialah RM66, kira kos marginal bagi keluaran ke-4 unit?

- A RM36
- B RM38
- C RM42
- D RM56

- 24 Pernyataan manakah menerangkan hubungan antara jumlah output dengan jumlah kos?

- A Jumlah kos adalah kos tetap pada output sifar
- B Jumlah kos tidak berubah apabila output meningkat
- C Jumlah kos berhubungan negatif dengan jumlah output
- D Jumlah kos ialah hasil tolak kos tetap dengan kos berubah

- 25 Maklumat di bawah berkaitan dengan permohonan guru pengambilan khas guru secara 'One-Off' Oleh Kementerian Pendidikan Malaysia pada 7hb Julai 2021.

Jumlah Kekosongan : 18,702 orang

Jumlah Permohonan : lebih 36,000 orang

(21)

Antara yang berikut, yang manakah betul berkaitan dengan pernyataan di atas?

- A Caruman KWSP
- B Jaminan kenaikan pangkat
- C Peluang melancong ke luar negara
- D Elaun perumahan dan elaun sara hidup (COLA)

26 AirAsia X Berhad mencadangkan pelan penstrukturkan semula yang akan membolehkan syarikat penerbangan itu beroperasi semula sepenuhnya di tengah-tengah sekatan perjalanan global akibat pandemik COVID-19. Adam seorang juruterbang yang terkesan kerana kehilangan kerja akibat langkah tersebut.

Antara yang berikut, yang manakah jenis pengangguran berdasarkan situasi di atas?

- A Pengangguran kitaran
- B Pengangguran geseran
- C Pengangguran bermusim
- D Pengangguran berstruktur

27 Antara yang berikut, yang manakah merupakan sumber hasil cukai langsung kerajaan yang terbesar?

- A Cukai pendapatan individu
- B Cukai pendapatan syarikat
- C Cukai pendapatan koperasi
- D Cukai pendapatan petroleum

28 Pernyataan manakah yang betul tentang perbelanjaan mengurus kerajaan?

- A Cadangan pembinaan hospital baharu di daerah Bachok
- B Kelulusan pembesaran Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra
- C Peningkatan Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) diperluas kepada sarasan
- D Penjajaran semula projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) ke laluan asal

29 Maklumat di bawah berkaitan dengan satu keadaan ketidakstabilan ekonomi.

Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) merekodkan seramai 99,696 pekerja diberhentikan antara Januari hingga 27 November lalu akibat kesan penularan COVID-19.

Apakah alat dasar kewangan yang boleh digunakan oleh kerajaan untuk mengatasi masalah di atas?

- A Menaikkan kadar faedah
- B Mengetatkan syarat sewa beli
- C Menjual surat jaminan kerajaan
- D Menurunkan nisbah rizab tunai

30 Antara yang berikut, yang manakah ciri globalisasi sesebuah negara?

- A Peserta baharu
- B Teknologi baharu
- C Pemerintah baharu
- D Sumber ekonomi baharu

31 Antara yang berikut, yang manakah kebaikan pelaburan langsung asing kepada sesebuah negara?

- I Meningkatkan eksternaliti negatif
- II Meningkatkan debit dalamimbangan pendapatan
- III Meningkatkan stok modal dalam sesebuah negara
- IV Meningkatkan Keluaran dalam Negara Kasar (KDNK)

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

32 Antara yang berikut, yang manakah betul tentang sebab-sebab kewujudan perdagangan antarabangsa?

- A Mata wang
- B Sistem politik
- C Harga faktor
- D Media massa

33 Maklumat di bawah berkaitan dengan perdagangan antarabangsa Malaysia.

Syarikat Awe Donde dari Malaysia menggunakan kapal terbang Singapore Airlines untuk menghantar sarung tangan ke Jepun.

Antara yang berikut, yang manakah yang berkaitan dengan urusniaga tersebut?

- I Eksport barang nampak
 - II Eksport barang tak nampak
 - III Import barang nampak
 - IV import barang tak nampak
- A I dan II
B 1 dan IV
C II dan III
D III dan IV

34 Maklumat di bawah berkaitan dengan kadar pertukaran asing Dollar Amerika (USD) dan Dollar Singapura (SGD) dengan Ringgit Malaysia (RM).

TUKARAN MATA WANG ASING			
9 MAC 2021			
	BELIAN	JUALAN	
1 USD	4.124	4.128	
1 SGD	3.0575	3.0607	

Rayyan telah kembali ke Malaysia setelah melancang di Singapura selama seminggu dan membawa lebihan USD120.

Berapakah nilai Ringgit Malaysia (RM) yang beliau akan perolehi apabila menukar wang tersebut di bank perdagangan?

- A RM378.90
- B RM367.28
- C RM494.88
- D RM495.36

35 Apakah kesan terhadap eksport dan import Malaysia apabila nilai Ringgit Malaysia (RM) meningkat?

	Eksport	Import
A	Meningkat	Meningkat
B	Menurun	Meningkat
C	Menurun	Menurun
D	Meningkat	Menurun

Soalan 36 hingga soalan 40 berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual di bawah.

Pilihan	Pernyataan 1	Pernyataan 2
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

- 36 I Keluk permintaan pasaran diperolehi dengan menjumlahkan setiap permintaan Individu.
II Keluk permintaan pasaran lebih landai berbanding keluk permintaan individu.

(25)

37

- I Fungsi bank pusat ialah untuk mengawal kestabilan ekonomi negara.
- II Bank pusat tidak campur tangan dalam pasaran pertukaran asing (FOREX).

38

- I Kemahiran dan tahap motivasi tenaga manusia akan mempengaruhi produktiviti pekerja.
- II Penggunaan peralatan dan jentera lama masih mampu meningkatkan tahap produktiviti di sektor perkilangan.

39

- I Kenaikan kadar inflasi menyebabkan tabungan dalam negara meningkat.
- II Kerajaan akan menaikkan kadar faedah bagi mengatasi masalah inflasi dalam negara.

40

- I Kuota akan mengehadkan kemasukan kuantiti barang import ke Malaysia.
- II Kuota yang dikenakan ke atas barang import akan mendatangkan hasil kepada kerajaan.

3767/2
EKONOMI
KERTAS 2
NOVEMBER 2021
2 JAM 15 MINIT

NO KAD PENGENALAN
 -

Nama Pelajar :

Tingkatan :



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)
(CAWANGAN KELANTAN)**

**PERCUBAAN SPM
2020**

**EKONOMI
KERTAS 2**

MASA : DUA JAM LIMA BELAS MINIT

Arahan:

1. Kertas ini mengandungi dua bahagian : **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab **semua** soalan di **Bahagian A** dan dua soalan daripada **Bahagian B**.
3. Jawapan hendaklah ditulis pada ruangan yang disediakan dalam kertas ini.
4. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.
5. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.

Untuk Kegunaan Guru				
Guru :				
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperolehi	
A	1	20		
	2	20		
	3	20		
B	4	20		
	5	20		
	6	20		
	7	20		
Jumlah				


Kertas soalan ini mengandungi 27 halaman bercetak

Bahagian A

[60 markah]

Jawab **semua** soalan daripada bahagian ini

- 1 (a) Gambar 1 menunjukkan seorang individu sedang membuat keputusan berkaitan dengan masalah ekonomi.



Gambar 1

- (i) Nyatakan unit ekonomi di atas.

_____ [1 markah]

- (ii) Bagaimanakah unit ekonomi di (a)(i) menyelesaikan masalah tersebut?

- (b) Maklumat 1 berkaitan dengan sistem ekonomi sebuah negara.



*Pengguna dan firma bebas
membuat pilihan dan
keputusan dalam ekonomi*

Maklumat 1

- (i) Jelaskan cara negara di atas menyelesaikan masalah asas ekonomi berikut.
(a) apa yang hendak dikeluarkan.

[2 markah]

- (b) bagaimana hendak dikeluarkan.

[2 markah]

- (ii) Berikan dua kelebihan sistem ekonomi tersebut.

- (c) Gambar 2 menunjukkan perubahan permintaan pasaran ayam proses dalam tempoh dua bulan.

Oktober RM7.00 /kg 100 unit		November RM7.00 /kg 200 unit
-----------------------------------	---	------------------------------------

Gambar 2

Dengan menggunakan gambarajah, jelaskan perubahan keluk keseimbangan pasar tersebut.

- (d) Jadual 1 menunjukkan peratus perubahan harga dan peratus perubahan kuantiti bagi barang M.

Jenis Barang	Peratus Perubahan Harga	Peratus Perubahan Kuantiti diminta
M	20	4

Jadual 1

- (i) Berapakah nilai keanjalan harga barang M?

[1 markah]

- (ii) Wajarkah pengeluar menaikkan harga barang tersebut untuk memaksimumkan hasil?
Beri hujah terperinci .

[6 markah]

[3 markah]

- 2 (a) Bank perdagangan menyediakan kemudahan deposit kepada pelanggannya untuk tujuan perniagaan. Jelaskan.

3767/2

SULIT

8

[6 ma]

- (b) Huraikan jenis perbelanjaan yang dilakukan oleh isi rumah bagi memenuhi keperluan dan kehendaknya.

[5 markah]

- (c) Jadual 1 menunjukkan fungsi pengeluaran jangka pendek sebuah firma.

Buruh (orang)	Jumlah Keluaran (unit)	Keluaran Purata (unit)	Keluaran Marginal (unit)
0	0	-	-
1	10	10	10
2	40	20	30
3	80	26.67	40
4	140	35	X
5	190	38	50
6	210	35	20
7	210	30	0
8	200	25	-10

Jadual 1

- (i) Berapakah nilai X?

[1 markah]

(ii) Pada buruh 5 hingga 8 orang, jelaskan hubungan antara buruh dengan :

(a) keluaran purata

[2 markah]

(b) keluaran marginal

[2 markah]

(d) Jelaskan konsep kos sosial dalam pengeluaran.

[4 markah]

25

3 (a) Maklumat berikut berkaitan dengan peranan kerajaan dalam ekonomi.

Kerajaan Negeri Ambil Alih Kebun Durian Haram di Raub Pahang

Kerajaan negeri menerusi Unit Pengawalkuasaan Negeri Pahang akan mengambil alih tanaman durian dan buah-buahan yang diusahakan secara haram di dalam kawasan hutan simpan di Raub. Pihak yang didapati menceroboh akan diambil tindakan termasuk didakwa atau memusnahkan tanaman yang difikirkan perlu.

Sumber : *Ubahsuai Berita Harian Online*: 12 Ogos, 2020

Terangkan cara lain yang boleh diambil oleh kerajaan untuk mengawal selia kegiatan seperti diatas.

[4 markah]

LIT
(c) Jelaskan kesan pelaburan langsung

Maklumat berikut berkaitan dengan alat dasar ekonomi.

Dilema kerajaan Malaysia: Selamatkan ekonomi atau kesejahteraan rakyat
Pemulihan ekonomi atau kesejahteraan rakyat, dilema pemerintah Malaysia sama ada untuk meneruskan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) atau pemutus rantai jangkitan buat kali keempat seluruh negara bagi mencegah pandemik Covid-19 yang semakin meningkat setiap hari.

Sumber : Ubahsuai daripada Utusan Online: 22 May 2021

Terangkan alat dasar fiskal yang boleh digunakan oleh kerajaan untuk pemulihan ekonomi selepas langkah di atas berakhir.

[4 markah]


30

3767/2 ©2021 Hak Cipta MPSM Kelantan

Seorang pelanggan yang berhasrat untuk melancong ke Amerika Syarikat telah memasukkan cek tersebut di sebuah bank perdagangan di Kota Bharu.

Maklumat berikut berkaitan dengan kadar perukaran asing antara Dollar Amerika (USD) dan Ringgit Malaysia (RM).		
<table border="1"> <thead> <tr> <th>20 JANUARI 2020</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1 USD = RM3.70</td> </tr> </tbody> </table>	20 JANUARI 2020	1 USD = RM3.70
20 JANUARI 2020		
1 USD = RM3.70		

20 DISEMBER 2019	20 JANUARI 2020
1USD = RM3.78	1USD = RM3.70



- (i) Hitungkan nilai dalam Dollar Amerika (USD) yang akan diterima oleh pelanggan tersebut jika memasukkan cek yang diterimanya pada 20hb Disember 2019.

[2 markah]

- (ii) Jelaskan kesan perubahan kadar pertukaran tersebut terhadap imbalan dagangan Malaysia pada 20 Januari 2020.

[5 markah]

4

- Maklumat berikut berkaitan dengan pemberian kredit e-tunai.

RM300 juta kredit e-tunai untuk belia, pelajar IPT

KUALA LUMPUR: Seramai dua juta belia yang memenuhi syarat ditetapkan boleh menuntut kredit e-tunai bermula RM150 menerusi program eBelia bermula 1 Jun depan. Dalam satu kenyataan, Kementerian Kewangan (MoF) mernaklumkan, peruntukan bermula RM300 juta disalurkan bagi meringankan beban kewangan golongan sasar, selain menggalakkan perbelanjaan secara tanpa tunai dalam kalangan belia dan pelajar sepenuh masa di institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan berdaftar." Dalam Belanjawan 2021, sejumlah RM200 juta diperuntukkan bagi menyalurkan RM100 kredit e-tunai bagi setiap belia yang layak.

Sumber: diubah suai daripada Berita Harian Online , 17 May 2021

- (a) Jelaskan perbelanjaan kerajaan di atas.

[4 markah]

- (b) Terangkan faktor yang menyebabkan permintaan belia meningkat.

[7 markah]

- (c) Bantuan tersebut memberi kesan ke atas ekonomi Malaysia secara keseluruhan. Bincangkan.

[9 markah]

(31)

- 5 Maklumat berikut berkaitan dengan peranan kerajaan ke atas penjawat awam.

Cuepacs saran gaji minimum penjawat awam RM1,800 sebulan

PETALING JAYA – Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) menyarankan kadar gaji minimum kakitangan kerajaan ditetapkan sebanyak RM1,800 sebulan.

Presidennya, Adnan Mat berkata, Seramai 800,000 penjawat awam menerima gaji bulanan RM1,200 sebulan tanpa mengambil kira lain-lain elaun dan ia berada di bawah pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) negara iaitu RM2,208.

Oleh itu kerajaan perlu menyemak semula penetapan gaji agar selaras dengan peranan kerajaan yang bermatlamat untuk menjaga kebijakan masyarakat dan meningkatkan kemakmuran negara serta dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan awam.

Sumber : diubah suai daripada kosmo.com.my, 11 April 2021

- (a) Jelaskan kesan saranan Cuepas kepada penjawat awam

[4 markah]

- (b) Gesaan Cuepacs tersebut memberi kesan ke atas pasaran barang tempatan.
Jelaskan.

[7 markah]

- (c) Kerjaya dalam sektor awam semakin menjadi pilihan kesan saranan daripada Cuepacs.

Anda bersetuju dengan pernyataan di atas.

Beri alasan.

[9 markah]

SULIT

6

Maklumat berikut berkaitan dengan tindakan kerajaan terhadap skim i-Sinar KWSP.

KWSP umum dua kategori ahli layak buat pengeluaran i-Sinar

Kerajaan melalui Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mengumumkan dua kategori pencarum yang layak mengeluarkan simpanan dalam Akaun 1 melalui skim i-Sinar yang dilaksanakan bagi membantu rakyat menangani kesan Covid-19.

Kategori 1 adalah mereka yang tiada caruman KWSP sekurang-kurangnya selama dua bulan berturut-turut semasa permohonan, atau ahli yang masih bekerja tetapi telah mengalami pengurangan gaji pokok sebanyak 30 peratus dan ke atas selepas Mac 2020.

Kategori 2 adalah mereka yang mengalami pengurangan pendapatan keseluruhan sebanyak 30 peratus dan ke atas termasuk gaji pokok, elauan, dan faedah lain selepas Mac 2020.

Sumber: diubah suai daripada Berita harian online 2 Dec 2020

- (a) Huraikan kelayakan pengeluaran KWSP selain yang dinyatakan di atas. [4 markah]
- (b) Bersetujukah anda dengan tindakan kerajaan dalam petikan di atas? Kemukakan pandangan anda. [7 markah]
- (c) Tindakan kerajaan mengumumkan pengeluaran skim tersebut boleh memberi impak kepada ekonomi keseluruhan. Bincangkan. [9 markah]

Maklumat berikut berkaitan keadaan dagangan Malaysia pada suatu masa tertentu.

Malaysia catal defisit dagangan RM3.5 bilion April lalu

KUALA LUMPUR: Pandemik COVID-19 yang menyebabkan gangguan utama kepada rantai bekalan global telah mengheret Malaysia untuk mencatat defisit dagangan sebanyak RM3.5 bilion pada April 2020 berikutan penurunan eksport yang lebih besar berbanding import.

Sumber: diubah suai daripada Berita Harian Online, 4 Jun 2020

- (a) Mengapakah bertakunya keadaan dagangan sedemikian? [6 markah]
- (b) Jelaskan kesan keadaan dagangan tersebut terhadap isi rumah. [5 markah]
- (c) Kemukakan cadangan relevan kepada pihak kerajaan agar keadaan dagangan sedemikian dapat diatasi.
- Perincikan jawapan anda. [9 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT